

BERSIH 3.0: Anggota polis antara 21 serah diri
MalaysiaKini.com
May 14, 2012
Oleh Kow Gah Chie

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, 21 individu, termasuk anggota polis, telah menyerahkan diri untuk membantu siasatan berhubung perhimpunan BERSIH 3.0.

Mereka adalah antara 141 individu yang gambar mereka telah disiarkan oleh pihak polis.

Bagaimanapun, Hishammuddin tidak mendedahkan berapa ramai daripada mereka yang telah menyerahkan diri itu adalah anggota polis.

Beberapa anggota polis dikehendaki kerana didakwa bertindak ganas terhadap peserta perhimpunan tersebut.

Jumlah tersebut diedahkan oleh Hishammuddin dalam satu sidang akhbar di Putrajaya.

Dalam majlis berasingan, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Khalid Abu Bakar berkata 141 individu lagi mempunyai masa hingga besok untuk menyerahkan diri.

"Kita tidak perlukan waran tangkap. (Penangkapan kerana) merusuh tidak perlukan waran," katanya.